

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
INSTITUT ASTIN

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/1999

April 1999

ATW 111 – PERAKAUNAN KEWANGAN

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan 1**

ASTIN Bhd. adalah sebuah syarikat lampu yang terkemuka di Utara Semenanjung Malaysia. Berikut adalah imbalan duga (sebelum pelarasan) ASTIN Bhd. pada 31 Disember 1998:

|                              | RM<br>Debit | RM<br>Kredit |
|------------------------------|-------------|--------------|
| Tunai                        | 3,500       |              |
| Akaun Belum Terima           | 14,200      |              |
| Inventori                    | 9,100       |              |
| Sewa Bayar Terdahulu         | 8,400       |              |
| Peralatan                    | 51,000      |              |
| Bekalan                      | 1,100       |              |
| Kos Barang Di Jual           | 115,000     |              |
| Belanja Upah                 | 97,000      |              |
| Belanja Cukai Pendapatan     | 10,500      |              |
| Belanja Sewa                 | 6,300       |              |
| Belanja Bekalan              | 2,100       |              |
| Susutnilai Terkumpul         |             | 15,300       |
| Akaun Belum Bayar            |             | 3,900        |
| Cukai Pendapatan Belum Bayar |             | 2,200        |
| Nota Belum Bayar             |             | 26,000       |
| Modal – Encik Wan            |             | 16,000       |
| Ambilan – Encik Wan          | 1,000       |              |
| Perolehan Tertahan           |             | 8,800        |
| Jualan                       |             | 247,000      |
|                              | 319,200     | 319,200      |
|                              |             |              |

...2/-

Pada akhir tahun maklumat tambahan diberikan seperti berikut:

- (a) Sewa untuk setahun sebanyak RM8,400 telah dibayar terlebih dahulu pada 1 Oktober 1998. Kesemua jumlah ini telah direkodkan sebagai sewa bayar terdahulu.
- (b) Seorang pelanggan telah membayar RM5,000 pada 4 Disember 1998 untuk kerja yang bakal dilaksanakan bagi bulan depan. Kesemua jumlah ini telah direkodkan sebagai jualan. Pada akhir tahun, 60% daripada kerja berkenaan telah pun siap.
- (c) Peralatan berkenaan telah dibeli pada 1 April 1998 dan dijangkakan mempunyai usia guna selama 10 tahun atau pun 100,000 jam. Nilai sisaan bagi peralatan tersebut adalah RM1,000. ASTIN Bhd. Menggunakan kaedah unit pengeluaran bagi merekodkan susutnilai. Bagi tahun 1998 sebanyak 15,000 jam telah digunakan bagi menjalankan operasi perniagaan.
- (d) Nota belum bayar mempunyai kadar faedah sebanyak 10%. Faedah dibayar dua kali setahun (1 April dan 1 Oktober).
- (e) Pada akhir tahun didapati bekalan yang ada di tangan adalah RM500.
- (f) Pemilik ASTIN Bhd, Encik Wan, telah mengeluarkan wang sebanyak RM100 setiap sebulan bagi membiayai pengajian anaknya di Universiti Sains Malaysia.
- (g) Upah yang telah diperolehi tetapi belum dibayar berjumlah RM800.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Semua catatan pelarasian yang diperlukan (tanpa nota penerangan)
- (ii) Menyempurnakan lembaran kerja (gunakan lembaran kerja yang diberi)
- (iii) Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira seperti pada 31 Disember 1998

[ 30 markah ]

...3/-

Soalan 2

BESTIN Bhd adalah sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan kewangan. Kunci Kira - Kira yang diringkaskan pada tahun 1997 dan 1998 adalah seperti berikut:

BESTIN Bhd  
Ringkasan Kunci Kira-Kira

|                                     | 1998 (RM)         | 1997 (RM)         |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|
| <u>Aset</u>                         |                   |                   |
| Tunai                               | 1,500,000         | 1,550,000         |
| Saham boleh pasar                   | 2,500,000         | 1,900,000         |
| Akaun belum terima                  | 5,000,000         | 4,295,000         |
| Peralatan dan lengkapan             | 3,450,000         | 3,400,000         |
| Aset lain                           | 1,300,000         | 1,000,000         |
| Jumlah aset                         | <u>13,750,000</u> | <u>12,145,000</u> |
| <u>Liabiliti</u>                    |                   |                   |
| Jangka pendek                       | 7,500,000         | 6,000,000         |
| Jangka panjang                      | 2,000,000         | 3,000,000         |
| Jumlah liabiliti                    | <u>9,500,000</u>  | <u>9,000,000</u>  |
| <u>Ekuiti pemilik</u>               |                   |                   |
| Modal, BESTIN Bhd                   | 4,250,000         | 3,145,000         |
| Jumlah Liabiliti dan Ekuiti Pemilik | <u>13,750,000</u> | <u>12,145,000</u> |

Tiga pelajar Institut ASTIN yang sedang meneliti laporan tahunan BESTIN Bhd telah membuat pernyataan berikut:

Pelajar A: Amboi, betapa baiknya prestasi BESTIN Bhd pada tahun 1998. Syarikat memperolehi pendapatan bersih sebanyak RM1,605,000 kerana jumlah asetnya telah bertambah sejumlah itu (RM13,750,000 – RM12,145,000).

Pelajar B: Tetapi kalau tak silap saya, Puan Wan Fadzilah berkata penukaran didalam jumlah aset tidak sama dengan pendapatan bersih. Pada pendapat saya, Syarikat mengalami kerugian sebanyak RM50,000 kerana tunai berkurangan sejumlah itu (RM1,550,000 – RM1,500,000).

Pelajar C: Saya dapat melihat dari laporan tahunan BESTIN Bhd bahawa ia telah membayar dividen tunai sebanyak RM355,000. Tidakkah kita perlu mengambil kira faktor ini untuk menentukan prestasi syarikat?

Dikehendaki:

- a) Menentukan pelajar manakah yang telah memberi interpretasi yang betul? Berikan alasan anda.
- b) Berapakah pendapatan bersih BESTIN Bhd bagi tahun 1998?
- c) Bincangkan perbezaan bahagian "ekuiti pemilik" peniaga tunggal, perkongsian dan syarikat.

[ 20 markah ]

Soalan 3

- (a) Johan adalah seorang usahawan yang berjaya. Nasib beliau tidak begitu baik apabila rumah beliau telah dimasuki pencuri yang telah mlarikan sebuah beg yang berisi sedikit wang tunai bersama dokumen perakaunan perniagaannya. Oleh kerana itu, beliau tidak dapat mengira dengan tepat jumlah jualan bagi tempoh perakaunan semasa. Setelah bersusah payah mencari rekod perakaunan yang tinggal, maka beliau cuma dapat memberikan maklumat berikut:

|  |          |
|--|----------|
| Tunai yang diterima dari pelanggan .....       | RM77,000 |
| Baki awal akaun belum terima (penghutang)..... | RM4,000  |
| Baki akhir akaun belum terima .....            | RM4,500  |

Johan telah datang memohon pertolongan anda kerana beliau percaya anda sebagai seorang pelajar Institut ASTIN dapat membantu usaha beliau. Andaikan bahawa kesemua jualan adalah secara kredit.

Kirakan jumlah jualan bagi tempoh tersebut.

- (b) Tuliskan nota ringkas untuk menerangkan perkara-perkara di bawah ini:

- i) hutang lapuk
- ii) belanja hasil dan modal
- iii) perbezaan debentur dan saham

[ 20 markah ]

Soalan 4

Klinik Ginavan membeli satu peralatan pembedahan laser dengan kos RM64,000. Nilai skrap adalah RM4,000. Laser tersebut mempunyai jangka hayat kebergunaan selama enam tahun dan dijangka boleh digunakan selama 10,000 jam. Penggunaan tahun 1 adalah 1,600 jam; tahun 2 adalah 2,100 jam; tahun 3 adalah 2,400 jam; tahun 4 adalah 1,400 jam; tahun 5 adalah 2,000 jam dan tahun 6 adalah 500 jam.

...5/-

Dikehendaki:

- a) Mengirakan susutnilai tahunan bagi setiap tahun dengan menggunakan kaedah berikut:
  - i) garis lurus
  - ii) unit pengeluaran
- b) Jika anda pentadbir klinik tersebut, kaedah yang manakah paling sesuai digunakan. Jelaskan jawapan anda.
- c) Kaedah manakah yang melaporkan pendapatan terendah dalam tahun pertama? Kaedah manakah melaporkan pendapatan terendah dalam tempoh meliputi enam tahun?

[ 15 markah]

Soalan 5

Berikut ialah maklumat untuk Syarikat Haznan pada tahun 1998.

|                     |                |
|---------------------|----------------|
| Inventori permulaan | 20 unit @ RM12 |
| Belian 1/5          | 60 unit @ RM14 |
| 2/6                 | 50 unit @ RM16 |
| 3/10                | 40 unit @ RM16 |
| 5/12                | 30 unit @ RM18 |

Dikehendaki:

- (a) Menentukan harga 40 unit inventori akhir yang tinggal pada akhir tempoh sekiranya kaedah berikut digunakan:
  - (i) masuk dahulu, keluar dahulu (MDKD)
  - (ii) masuk kemudian, keluar dahulu (MKKD)
  - (iii) kos purata
- (b) Kaedah yang manakah akan melaporkan kos barang dijual yang paling tinggi?
- (c) Kaedah yang manakah akan melaporkan pendapatan yang paling tinggi?

[ 15 markah ]

-----ooo000ooo-----